

## **BAB IV**

### **4.0 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, pengkaji berusaha menganalisis pemahaman, pendekatan dan interaksi responden di daerah Pengkalan Hulu, Perak terhadap kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak). Melalui analisis perbandingan, pengkaji menjelaskan secara deskriptif setiap pemahaman, persepsi dan pendekatan responden dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan mengemukakan dalil-dalil dari al-Quran dan hadith dari *al-Kutub al-Sittah*.

Terdapat penjelasan khusus melalui hadith-hadith sahih berhubung interaksi Rasulullah SAW dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) bagi menghadapi dan menangani situasi berkaitan. Pada akhir perbahasan, akan dibuat satu kesimpulan ketepatan pemahaman, persepsi dan pendekatan responden dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) mengikut sunnah Nabi SAW atau tidak di samping turut dinyatakan pandangan pengkaji.

#### **4.1 PENDEKATAN ANALISIS YANG DIJALANKAN**

Dalam menganalisis setiap kefahaman, persepsi dan kaedah responden dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak), pengkaji telah menetapkan beberapa pendekatan analisis yang sesuai supaya dapat diteliti dan dibuat kesimpulan menyeluruh bagi setiap isu.

**Pertama:** Menyengarai dan menjelaskan setiap kefahaman, persepsi dan pendekatan interaksi responden terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak) berasaskan turutan soalan dalam borang soal selidik dengan mengemukakan dalil dari al-Quran dan hadith *al-Kutub al-*

*Sittah*. **Kedua:** Jika tidak terdapat dalil dari al-Quran atau hadith berhubung sesuatu perkara. Maka pengkaji akan merujuk kepada fatwa dan pandangan para ulama.

Oleh itu, jika tidak terdapat sebarang fatwa atau pandangan ulama berhubung sesuatu perkara, pengkaji dapat menyatakan kefahaman, persepsi dan pendekatan tersebut tidak mempunyai asas dan tidak menepati sunnah Nabi SAW. Tambahan, jika kefahaman, persepsi dan pendekatan responden berhubung sesuatu perkara bertentangan atau mempunyai unsur-unsur yang menyalahi *fiqh* hadith Nabi SAW. Sudah pasti ia wajar ditolak dan tidak sepatutnya kefahaman, persepsi dan pendekatan tersebut diamalkan.

**Ketiga:** Pada pengakhiran setiap perbincangan, pengkaji akan mengemukakan pandangan sebagai kesimpulan terhadap jawapan responden berdasarkan soalan dalam borang soal selidik. Pengkaji boleh untuk menyatakan responden tidak memahami konsep berinteraksi dengan haiwan fasiq sebagaimana digariskan Nabi SAW.

#### **4.2 ANALISIS KEFAHAMAN, PERSEPSI DAN PENDEKATAN RESPONDEN DI DAERAH PENGKALAN HULU, PERAK DALAM INTERAKSI TERHADAP HAIWAN FASIQ (HAIWAN PEROSAK).**

Berdasarkan perbincangan dalam bab ketiga, pengkaji akan menganalisis keseluruhan maklumat berhubung kefahaman, persepsi dan pendekatan responden di daerah Pengkalan Hulu, Perak dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) melalui metode perbandingan dengan kaedah Rasulullah SAW dan para sahabat RA. Berikut merupakan dapatan analisis perbandingan;

#### **4.2.1 BAHAGIAN (B): TAHAP PEMAHAMAN RESPONDEN TERHADAP KONSEP HAIWAN FASIQ (HAIWAN PEROSAK) DAN HAIWAN-HAIWANNYA<sup>532</sup>**

##### **1. Pengetahuan responden terhadap jenis-jenis haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Meneliti maklumat berhubung pengetahuan responden terhadap jenis-jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam bab ketiga, dilihat tujuh jenis haiwan fasiq utama yang disabdakan Nabi SAW semuanya mencatat kekerapan melebihi 100 daripada 400 orang responden bagi setiap spesies bermula dengan tikus (364 orang), anjing liar (148 orang), ular (144 orang), cicak (144 orang), kala jengking (128 orang), burung helang (116 orang) dan burung gagak (112 orang).

Bagi jenis haiwan perosak yang sama sifat dengan haiwan fasiq akan tetapi tidak disebut dalam hadith dan mencatat peratusan tertinggi ialah anai-anai (308 orang), lipas (224 orang), kera (216 orang), tupai (196 orang), lalat (160 orang) dan biawak (148 orang). Justeru, ini menunjukkan responden mengetahui dan mengenali jenis-jenis haiwan perosak.

Daripada 26 jenis haiwan yang disenaraikan pengkaji, 7 jenis haiwan yang paling banyak dikenali sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) oleh responden di daerah Pengkalan Hulu, Perak ialah tikus (86.7 %), anai-anai (73.3 %), lipas (53.3 %), kera (51.4 %), tupai (46.7 %), lalat (38.1 %) dan biawak (35.2 %).

Hasilnya memperlihatkan majoriti responden lebih mengetahui spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang rata-rata haiwan yang suka melakukan kerosakan dan kemusnahan

---

<sup>532</sup> Huraian pengkaji dalam bab analisis perbandingan ini berdasarkan bahagian soalan dalam borang soal selidik. Pengkaji mengecualikan bahagian A berkenaan biodata responden dalam bahagian analisis bab keempat oleh kerana ia tidak memberi nilai signifikan dalam analisis perbandingan amalan responden dan sunnah yang akan dilakukan. Dengan cara ini, pemahaman, persepsi dan pendekatan interaksi responden akan dapat dinilai dengan lebih menyeluruh. Ulasan biodata responden boleh diteliti dalam bab ketiga.

pada harta benda manusia. Ini dapat dilihat pada analisis soalan kedua yang merupakan kesinambungan dari soalan pertama. Namun, ini sudah cukup untuk membuktikan para responden peka dengan keadaan sekeliling dan faham serba sedikit mengenai *fiqh al-Hadīth* berhubung jenis-jenis haiwan fasiq dan sifat-sifat yang dimilikinya sebelum memutuskan sama ada seseekor haiwan itu termasuk dalam kategori haiwan fasiq (haiwan perosak) atau tidak.

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat semua responden mengetahui kewujudan haiwan fasiq (haiwan perosak) di persekitaran mereka. Namun, tahap ketepatan responden untuk mengenalpasti spesies haiwan fasiq masih lemah. Terbukti mereka cenderung mengetahui jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang sering merosakkan harta benda sahaja sedangkan takrifan Islam mengenai haiwan fasiq (haiwan perosak) lebih meluas dan meliputi haiwan semisalnya.

## **2. Pemahaman responden terhadap takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Merujuk analisis data, takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang paling banyak dipilih oleh responden ialah takrifan 3 (*haiwan yang suka melakukan kerosakan dan kemusnahan pada harta benda manusia*) dengan peratusan 36.5 %. Manakala takrifan terendah ialah takrifan 5 (*haiwan yang mengancam haiwan ternakan*) sebanyak 2.5 %.

Ini bertepatan dengan hasil analisis soalan pertama yang memaparkan haiwan perosak popular rumah iaitu tikus, anai-anai dan lipas sebagai jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang paling banyak diketahui responden. Para responden lebih cenderung melihat skop takrifan haiwan perosak hanya dari satu segi, iaitu '*haiwan yang sering memusnah dan merosakkan harta benda*'.

Dalam Islam, gelaran “*fasiq*” bagi haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian haiwan<sup>533</sup> oleh kerana sifatnya yang membawa datang banyak kemudatan, kehinaan dan kemusnahan kepada manusia.<sup>534</sup> Ketujuh-tujuh haiwan fasiq yang dinyatakan Nabi SAW semuanya memiliki sifat zalim yang mampu mengancam dan mengganggu gugat kesejahteraan hidup manusia.<sup>535</sup>

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan kefahaman responden dalam hal ini masih kabur. Takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang lebih tepat ialah takrifan 1 (*semua haiwan yang suka mengganggu kesejahteraan hidup manusia*). Ini berkait rapat dengan faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah fasiq iaitu “*mengganggu*”, “*mendatangkan mudarat*,” dan “*melampaui batas*” pada manusia. Perkara ini penting untuk difahami masyarakat sebagai dasar utama memahami konsep dan spesies haiwan fasiq.

### **3. Pemahaman responden terhadap hubungan antara haiwan fasiq dan haiwan perosak**

Berdasarkan analisis, majoriti responden sebanyak 79.2 % bersetuju bahawa haiwan fasiq mempunyai kaitan dengan haiwan perosak. Hanya 20.8 % sahaja yang tidak setuju dan menganggap haiwan fasiq tidak berkait dengan haiwan perosak.

Justeru, kefahaman responden dalam hal ini adalah tepat. Bahkan definisi haiwan perosak menurut *Kamus Dewan* turut memberi maksud haiwan yang jahat dan semua

---

<sup>533</sup> Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārak Fūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (t.tp., Dār al-Fikr lil Ṭabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 3: 576.

<sup>534</sup> *Ibid.*, 3: 575, dan Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>535</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 300.

haiwan yang merosak dan memusnahkan benda seperti tikus.<sup>536</sup> Melihatkan kepada takrifannya, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan fasiq.

Namun, takrifan haiwan perosak menurut Islam lebih menyeluruh. Haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman. Jadi, istilah haiwan perosak tidak berbeza dengan haiwan fasiq. Haiwan fasiq hanyalah istilah perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari<sup>537</sup> demi memelihara agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan umat Islam.

Para ulama turut menyebutkan semua spesies haiwan yang bersifat memusuhi manusia, haiwan ternakan, menjejaskan kesihatan, harta benda dan hasil tanaman adalah tergolong dalam kategori “*haiwan fasiq (haiwan perosak)*” yang harus dibunuh. Misalnya lipan, lipas, serigala dan harimau.<sup>538</sup>

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat semua haiwan yang memiliki sifat jahat seperti ditonjolkan ketujuh-tujuh jenis haiwan fasiq adalah tergolong dalam kalangan haiwan fasiq atau lebih dikenal dengan “*haiwan perosak*” pada masa kini.<sup>539</sup> Pengkaji dapat menyatakan kefahaman responden adalah baik dan mereka faham hubungkait antara haiwan fasiq dan haiwan perosak.

---

<sup>536</sup> Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 20 September 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=haiwan+perosak>

<sup>537</sup> Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārak Fūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (t.tp., Dār al-Fikr lil Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 3: 576.

<sup>538</sup> Pendapat ini disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207-208.

<sup>539</sup> Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 526-532.

#### 4.2.2 BAHAGIAN (C): INTERAKSI RESPONDEN TERHADAP HAIWAN FASIQ (HAIWAN PEROSAK)<sup>540</sup>

### 5. Tindakan Responden Ketika Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Merujuk tindakan responden dalam interaksi terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak), tindakan mengguna atau menyembur racun mencatatkan peratusan tertinggi dengan 33.2 %. Peratusan kedua tertinggi dicatat oleh perbuatan membunuh sebanyak 30.5 %.

Meneliti penggunaan racun yang menjadi kaedah popular responden dalam interaksi, ia sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pekerjaan responden sebagai petani yang mencatat peratusan tertinggi bagi pekerjaan yang banyak menghadirkan pertembungan dan interaksi antara golongan responden dan haiwan fasiq (haiwan perosak) sebanyak 24.5 %.<sup>541</sup>

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, para responden banyak menggunakan racun dalam pertanian bagi menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) yang mengancam hasil tanaman seperti ulat tumbuhan, semut, siput babi dan tikus. Berkenaan penggunaan racun, Nabi SAW pernah bersabda,

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : " نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الضَّرْبِ فِي الْوَجْهِ ، وَعَنِ الْوَسْمِ فِي الْوَجْهِ

<sup>540</sup> Berkenaan analisis soalan 1 hingga 4 bahagian C dalam borang soal selidik, pengkaji tidak mengulangi hasil dapatan berikut kerana ia telah dinyatakan dalam bab ketiga. Selain itu, tiada aspek perbandingan yang boleh dibuat antara jawapan responden dalam perkara tersebut dengan sunnah Nabi. Hal ini kerana soalan 1 hingga 4 bahagian C disediakan pengkaji sebagai asas dalam mengenal terlebih dahulu tahap interaksi responden dengan haiwan fasiq (haiwan perosak). Soalan tersebut memfokuskan mengenalpasti jenis haiwan yang sering dijumpai responden, kekerapan pertembungan antara keduanya, keterlibatan responden dengan haiwan fasiq dan jenis pekerjaan yang memungkinkan pertembungan responden dengan haiwan fasiq terjadi. Oleh itu, pengkaji hanya akan menyatakan perbandingan bagi soalan 5 dan 6 berkaitan cara interaksi dan tindakan dilakukan responden ketika bertembung dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang menjadi objektif utama pada bab keempat.

<sup>541</sup> Rujuk analisis soalan 4 bahagian C dalam bab ketiga.

Terjemahan: Dari Jābir RA katanya: “*Rasūllullāh SAW melarang memukul haiwan di bahagian muka dan menyembur racun di mukanya.*”<sup>542</sup>

Mengulas nas berikut, ijma' ulama telah mengharamkan semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Ādamī*) seperti keldai dan unta kerana menyeksa haiwan.<sup>543</sup> Dalam riwayat lain, baginda SAW pernah melaknat orang yang meracun ḥimār (keldai) pada wajahnya.<sup>544</sup> Semburan racun yang diharuskan Islam hanya pada anggota selain dari muka. Misalnya pada belakang badan unta dan lembu bertujuan membezakan haiwan ternakan. Inilah pegangan sahabat RA dan jumhur ulama. Namun, Imam Abū Hanifah tetap tidak membolehkannya dan menghukum makruh kerana menyeksakan haiwan.<sup>545</sup>

Bagi perbuatan menyembur racun pada wajah haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādamī*) seperti semut dan kala jengking, Imam al-Nawāwī menghukum makruh perbuatan tersebut. Imam al-Baghawī pula tetap tidak membolehkannya, dengan merujuk kepada laknat Nabi SAW yang mengisyaratkan pengharaman sesuatu perbuatan.

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq jenis berdarah (*al-Ādamī*) perlu dielakkan. Kaedah seperti menembak dan memukul lebih berkesan terhadap kelompok tersebut. Hal ini kerana racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman haiwan.

---

<sup>542</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Libās wa al-Zīnah, Bāb al-Nahyī ‘An Ḍarab al-Ḥayawān fī Wajhihi wa Wasmuhi fīhi, no. Hadith 5550, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Jihād, Bāb al-Nahyī ‘An al-Wasm fī al-Wajh wa al-Ḍarab fī al-Wajh, no. Hadith 2564, dan al-Tirmidhī, Kitab al-Jihād, Bāb Mā Jā’a fī Karāhiyah al-Taḥrīsh Baina al-Bahā’im wa al-Ḍarab wa al-Wasm fī al-Wajh, no. Hadith 1710. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyah wa Maktabatuhā, 1980), 1056, dan Abū Dāwūd Sulaiman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 451, dan Abū ‘Abd ‘Allah Abū ‘Īsa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 399.

<sup>543</sup> Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 97.

<sup>544</sup> *Ibid.*, 14: 96.

<sup>545</sup> *Ibid.*, 14: 99-100.



Bagi haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh<sup>546</sup> dan tidak sampai kepada hukum haram. Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawāwī dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan fasiq tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) yang kecil, licik dan sukar ditentukan bahagian yang ingin disembur racun.

Justeru, pengkaji berpendapat tindakan responden yang menggunakan racun dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah meliputi dua perkara. **Pertama:** penggunaan racun terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak) jenis berdarah (*al-Ādami*) adalah bersalahan dengan syara' apabila racun disembur pada muka atau badan haiwan atau diletakkan racun dalam makanan bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) seperti tikus, anjing, kera dan lain-lain haiwan fasiq (haiwan perosak). Penggunaan racun adalah bagi tujuan membunuh atau menghalau haiwan fasiq (haiwan perosak) jenis berdarah (*al-Ādami*) adalah salah kerana ia adalah satu kaedah yang menyeksakan haiwan. **Kedua:** Penggunaan racun adalah makruh disembur pada bahagian muka dan harus pada anggota badan haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādami*). Hal ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawāwī dan kemaslahatan ummah. Haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) lazimnya merupakan haiwan kecil seperti nyamuk, anai-anai dan ulat, susah dikendalikan dan akan terus mati apabila terkena racun. Jadi, tahap penyiksaan itu sedikit. Namun begitu, penggunaan racun perlulah dikendalikan dengan cara paling ihsan agar dapat melindungi hak-hak haiwan meskipun bagi haiwan kecil. Haram hukumnya apabila racun digunakan bagi tujuan suka-suka dan bukan atas keperluan.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati para responden faham akan penggunaan racun terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak). Penggunaan racun ini banyak digunakan

---

<sup>546</sup> *Ibid.*, 14: 97.

responden bagi haiwan kecil pemusnah tanaman dan harta benda. Meskipun kaedah ini boleh dilakukan pada haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādami*), hukumnya makruh (dibenci) jika disembur pada bahagian muka kerana mendatangkan penyeksaan terhadap haiwan dan hanya harus pada anggota selain muka.

Bagi peratusan kedua tertinggi iaitu tindakan membunuh ketika interaksi haiwan fasiq (haiwan perosak), ini membuktikan responden memahami haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh. Ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW,

سَأَلَ رَجُلٌ ابْنَ عُمَرَ مَا يَقْتُلُ الرَّجُلُ مِنَ الدَّوَابِّ وَهُوَ مُحْرِمٌ؟، قَالَ : حَدَّثَنِي إِحْدَى نِسْوَةِ النَّبِيِّ أَنَّهُ كَانَ " يَأْمُرُ بِقَتْلِ الْكَلْبِ الْعُمُورِ، وَالْفَأْرَةِ، وَالْعَقْرَبِ، وَالْحُدَّيَا، وَالْعُرَابِ، وَالْحَيَّةِ "

Terjemahan: *Seorang lelaki telah bertanya kepada Ibn ‘Umar RA, “Apakah haiwan yang boleh dibunuh oleh seseorang yang sedang ihram?. Maka Ibn ‘Umar menjawab: “Telah dikhabarkan kepadaku oleh salah seorang dari isteri Nabi SAW di mana Nabi SAW pernah memerintahkan agar dibunuh anjing liar, tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan ular.”*<sup>547</sup>

Rumusannya, pengkaji berpendapat dalam menyebutkan metode terbaik untuk berinteraksi dan menangani kelompok haiwan fasiq (haiwan yang melampaui batas) sekaligus menghilangkan mudarat pada manusia. Antara metode terbaik ialah dengan cara membunuh. Hal ini berlandaskan kaedah fiqh *al-Darār Yūzal*, kemudaratan mesti dihapuskan (dihilangkan).<sup>548</sup>

<sup>547</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ḥajj, Bāb Mā Yandibu lil Muḥarram wa Ghairih Qatalahu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Ḥarām, no. Hadith 2871. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 874.

<sup>548</sup> Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194.

## 6. Tindakan Responden Dalam Membunuh Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Merujuk analisis, peratusan tertinggi bagi tindakan responden membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) ialah memasang perangkap sebanyak 24.0 % diikuti memukul (22.5 %). Peratusan terendah ialah melemaskan (0.8 %).

Menurut perspektif Islam, membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah harus. Malah, gelaran fasiq itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh.<sup>549</sup> Peratusan tertinggi tindakan responden dalam membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) ialah dengan penggunaan perangkap. Ini memperlihatkan responden melakukan perkara yang tepat terutamanya bagi haiwan yang sukar ditangkap dan suka keluar pada waktu malam ketika mana manusia nyenyak tidur seperti tikus.

Pengkaji berpendapat tindakan memasang perangkap merupakan alternatif bagi tindakan memukul dan biasanya dipasang bagi menangkap haiwan kecil. Ini dikiaskan dengan cara memukul yang dianjurkan Nabi SAW. Walaupun caranya berbeza, namun prinsipnya tetap sama, untuk membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) yang mengganggu ketenteraman manusia.

Dari segi piawai perangkap, perangkap jenis bergigi yang disediakan hendaklah tajam dengan mengambil kira *qias* penggunaan tombak dan lembing oleh 'Āishah RA. Beliau menggunakan tombak<sup>550</sup> dan lembing<sup>551</sup> untuk membunuh cicak agar urusan

---

<sup>549</sup> Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniyah Ithnā' Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>550</sup> Ini sebagaimana hadith,  
عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ ، أَنَّ امْرَأَةً دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ وَبَيْدَهَا عُكَّازٌ ، فَقَالَتْ : مَا هَذَا؟ فَقَالَتْ : هَذَا الْوَزْعُ ، لِأَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ حَدَّثَنَا أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ شَيْءٌ إِلَّا يُطْفِئُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ ، إِلَّا هَذِهِ النَّائِبَةُ ، فَأَمَرْنَا بِتَنْهَلِهَا "

Terjemahan: Dari Sa'īd bin al-Musayyib RA, ada seorang perempuan (Ummu Sharīk) datang kepada 'Ā'ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka 'Ā'ishah bertanya: "Untuk apakah lembing ini?". Ummu Sharīk pun menjawab: "Untuk membunuh cicak. Kerana Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya." Rujuk

pembunuhan dapat dilakukan dengan lebih baik<sup>552</sup> sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyeksakan dan paling kurang mendatangkan kesakitan pada haiwan. Perkara yang perlu dielakkan dalam penggunaan perangkap ialah menggunakan umpan makanan beracun yang boleh menzalimi haiwan.

Seterusnya, melihat pada tindakan membunuh haiwan dengan cara memukul yang mencatat peratusan kedua tertinggi. Ini mencerminkan kelakuan para responden bertepatan dengan fiqh hadith berikut :-

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "مَنْ قَتَلَ وَرَعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونَ الْأُولَى، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّلَاثَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونَ الثَّانِيَةِ"

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasullullah SAW bersabda, "Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi."<sup>553</sup>

Hadith riwayat al-Nasā'i, Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 2831. Lihat Abū 'Abd Raḥman Aḥmad bin Shu'āib bin 'Alī al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1988), 439.

<sup>551</sup> Ini sebagaimana hadith,

عَنْ سَابِيَةَ مَوْلَاةِ الْعَاكِفِ بْنِ الْمُغِيرَةِ أَنَّهَا دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ فَرَأَتْ فِي بَيْتِهَا رَمْحًا مَوْضُوعًا، فَقَالَتْ: يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ، مَا تَصْنَعِينَ بِهَذَا؟، قَالَتْ: نَقْتُلُ بِهِ هَدْيَ الْأَوْزَاعِ، فَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ أَخْبَرَنَا: "أَنَّ إِبْرَاهِيمَ لَمَّا أَقْبَى فِي النَّارِ، لَمْ تَكُنْ فِي الْأَرْضِ دَابَّةٌ إِلَّا أُطْفَأَتْ النَّارُ غَيْرَ الْوَجْهِ، فَإِنَّهَا كَانَتْ تَنْفُخُ عَلَيْهِ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ بِقَتْلِهِ"

Terjemahan: Dari Sā'ibah Maulah Al-Fākih bin Al-Mughīrah bahawasanya dia menemui 'Aisyah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya kepada 'Ā'ishah RA: "Wahai Ummul Mu'minin, apa yang engkau lakukan dengan tombak ini?". 'Aisyah RA menjawab: "Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satu pun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang meniup-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya." Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṣīd, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 3231. Lihat Ibn Mājah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 545.

<sup>552</sup> 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-It'yūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 7-8.

<sup>553</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Istihbāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5846. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1076.

Mengulas dalil berikut, Imam al-Nawāwī menyatakan perbezaan ganjaran orang yang membunuh cicak dengan pukulan pertama, kedua dan ketiga menunjukkan perbezaan ganjaran bagi orang yang melaksanakannya mengikut niat dan keikhlasan masing-masing.<sup>554</sup> Ganjaran pahala berlipat kali ganda bagi orang yang mampu membunuh cicak dengan pukulan pertama adalah sebagai galakan agar mempermudah serta bersifat ihsan dalam membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak).<sup>555</sup>

Kaedah memukul ini tidak terhad kepada cicak dan turut terpakai bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) lain. Bagi haiwan fasiq yang lebih besar dan tidak mungkin mampu mati dengan satu pukulan, maka cara lain adalah dibolehkan seperti menembak dan memasang jerat dan perangkap dengan syarat tiada unsur penyeksaan serta ikhlas dalam perbuatan.<sup>556</sup>

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan majoriti responden memahami cara membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak). Buktinya, peratusan tertinggi kaedah responden membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) ialah memasang perangkap dan memukul. Ini bertepatan dengan fiqh interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) digariskan Islam.

---

<sup>554</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaqq al-‘Azīm Ābādī, *‘Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 174.

<sup>555</sup> Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 236-237.

<sup>556</sup> Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Saḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī* (Riyadh: al-Maṭba‘ah al-Misriyah, 1969), 14: 239.

#### 4.2.3 BAHAGIAN (D): PEMAHAMAN SERTA PERSEPSI RESPONDEN TENTANG INTERAKSI MANUSIA DENGAN HAIWAN FASIQ (HAIWAN PEROSAK)

1. Haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam terdiri dari tujuh haiwan utama iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing, ular dan cicak

Merujuk kenyataan tertera, peratusan besar responden bersetuju haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam terdiri dari tujuh haiwan utama iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing, ular dan cicak dengan peratusan 35.0 %.

Kefahaman responden jelas bertepatan dengan sabda Nabi SAW yang menyatakan tujuh ekor haiwan fasiq (haiwan perosak) utama dalam Islam,

سَأَلَ رَجُلٌ ابْنَ عُمَرَ مَا يَقْتُلُ الرَّجُلُ مِنَ الدَّوَابِّ وَهُوَ مُحْرِمٌ؟، قَالَ: حَدَّثَنِي إِحْدَى نِسْوَةِ النَّبِيِّ أَنَّهُ كَانَ "يَأْمُرُ بِقَتْلِ الْكَلْبِ الْعُقُورِ، وَالْفَأْرَةِ، وَالْعُقْرَبِ، وَالْحُدَّيَا، وَالْغُرَابِ، وَالْحَيَّةِ"

Terjemahan: *Seorang lelaki bertanya kepada Ibn ‘Umar RA, “Apakah haiwan yang boleh dibunuh oleh seseorang yang sedang ihram?. Maka Ibn ‘Umar menjawab: “Telah dikhabarkan kepadaku oleh salah seorang dari isteri Nabi SAW di mana Nabi SAW pernah memerintahkan agar dibunuh anjing liar, tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan ular.”*<sup>557</sup>

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: "لِلْوَرَعِ الْفُؤَيْسِقَةُ وَمَنْ أَسْمَعُهُ أَمَرَ بِقَتْلِهِ"

Terjemahan: Dirwayatkan dari ‘Ā’ishah RA: Sesungguhnya Rasūllullāh SAW bersabda: “Cicak adalah haiwan kecil yang fasiq (jahat), (akan

<sup>557</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Hajj, Bāb Mā Yandibu lil Muḥarram wa Ghairih Qatalahu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Harām, no. Hadith 2871. Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 874.

*tetapi) aku tidak pernah mendengar perintah untuk membunuhnya (cicak).”<sup>558</sup>*

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan responden memahami haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam terdiri dari tujuh haiwan utama iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing, ular dan cicak.

## **2. Sifat melampaui batas kelompok haiwan tertentu terhadap manusia menyebabkan ia digelar sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju sifat melampaui batas kelompok haiwan tertentu terhadap manusia menyebabkan ia digelar sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan peratusan sebanyak 45.2 %.

Kefahaman responden adalah bertepatan dengan pandangan para ulama dalam memahami fiqh hadith berkaitan. Imam Ibn Daqīq al-‘Aīd pernah menyebutkan;

*“Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat “menggangu (menyakiti manusia)” merupakan pandangan yang kuat menurut ulama qias. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kelompok haiwan tertentu, kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas.”<sup>559</sup>*

Faktor utama haiwan digelar sebagai fasiq amat berkaitan dengan sifat “menggangu”, “mendatangkan mudarat” dan “melampaui batas” haiwan-haiwan tertentu terhadap manusia. Imam al-Nawāwī menyatakan haiwan-haiwan tertentu disebut fasiq (melampaui batas) oleh kerana keluarnya mereka hanya untuk menggangu dan membuat

---

<sup>558</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Jazā’ al-Şīd, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram Min al-Dawāb, no. Hadith 1831. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Şāḥiḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafīyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 12.

<sup>559</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 208.

kerusakan di jalan yang biasa dilalui haiwan-haiwan tunggangan.<sup>560</sup> Berdasarkan hujah di atas, pengkaji dapat menyimpulkan responden memahami sifat utama haiwan fasiq (haiwan perosak) secara umum iaitu melampaui batas terhadap manusia.

### **3. Tikus digelar fasiq oleh kerana ia haiwan pengotor dan membawa penyakit pada manusia**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden sangat bersetuju tikus digelar fasiq oleh kerana ia haiwan pengotor dan membawa penyakit pada manusia dengan peratusan sebanyak 46.0 %.

Imām al-Ṭaḥāwī menyebutkan dalam kitab *Aḥkām al-Qurʿān* bahawa tikus dikategorikan sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) disebabkan satu peristiwa yang telah membuatkan Nabi SAW terbangun pada suatu malam disebabkan tikus sedang membawa kain untuk membakar rumah. Lalu baginda SAW membunuhnya dan menghalalkan tikus dibunuh di tanah haram dan halal.<sup>561</sup>

عَنْ جَابِرِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْهُمَا رَفَعَهُ قَالَ : حَمَرُوا الْآنِيَةَ، وَأَوْكُوا الْأَسْقِيَةَ، وَأَجِيفُوا الْأَبْوَابَ،  
وَأَكْفَتُوا صَبِيَانَكُمْ عِنْدَ الْعِشَاءِ، فَإِنَّ لِلْجِنَّ انْتِشَارًا وَخَطْفَةً، وَأَطْفَتُوا الْمَصَابِيحَ عِنْدَ الرُّقَادِ،  
فَإِنَّ الْفُؤَيْسِقَةَ رُبَّمَا اجْتَرَّتِ الْفَتِيلَةَ فَأَحْرَقَتْ أَهْلَ الْبَيْتِ، قَالَ : ابْنُ جُرَيْجٍ وَحَبِيبٌ، عَنْ  
عَطَاءٍ فَإِنَّ لِلشَّيَاطِينِ

Terjemahan: “Tutuplah bekas-bekas makanan kamu, lindungilah bekas-bekas minuman kamu, tutuplah pintu-pintu, (kurunglah) suruh anak-anak kamu masuk ketika waktu malam, ini kerana jin berkeliaran (pada waktu malam) dan tutuplah jendela-jendela kamu, (berwaspadalah kamu), ini kerana “*al-fuwaisiqah*” (tikus) mungkin akan membawa kain untuk cuba membakar rumah dan orang yang ada di dalamnya.” Ibn Jurāij dan

<sup>560</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 97.

<sup>561</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 162.



Ḥabīb turut meriwayatkan dari ‘Atā’ katanya “*Sesungguhnya itu syaitan.*”<sup>562</sup>

Perkataan “*al-fuwaisiqah*” dalam hadith berikut merupakan “*isim tasghīr*” gelaran kepada tikus bagi menunjukkan keluarnya dari sarang dan melakukan kebinasaan.<sup>563</sup> Tikus disebut *fuwaisiq* (si kecil yang jahat) oleh kerana datangnya pada manusia dan mendatangkan kemusnahan seperti merosakkan tanaman, mengotori makanan manusia serta membawa penyakit.<sup>564</sup> Selain itu, tikus dikenal sebagai haiwan yang hidup dalam kekotoran, tinggal dalam habitat yang kotor dan makan makanan kotor. Tikus merupakan haiwan yang paling banyak mendatangkan masalah kesihatan pada manusia. Terdapat tiga puluh jenis penyakit yang disebarkan tikus kepada manusia.<sup>565</sup>

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan jawapan responden adalah bertepatan dengan kefahaman terhadap sifat-sifat tikus menurut sunnah dan responden sangat memahami sifat-sifat tikus sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak).

#### **4. Kala jengking digelar fasiq disebabkan bisanya yang berbahaya**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju kala jengking digelar fasiq disebabkan bisanya yang berbahaya dengan peratusan sebanyak 39.2 %. Keputusannya, jawapan responden jelas bertepatan dengan kefahaman terhadap sifat-sifat kala jengking

---

<sup>562</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb idhā Waqa’a al-Dhubāb fī Shirāb Aḥadikum Falyaghmishu Fainna fī Aḥad Janāḥaihi Dā’ wa fī al-Ākhar Shifā’ wa Khams min al-Dawāb Fawāsiq Yaqtulna fī al-Ḥarām, no. Hadith 3316. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 446-447.

<sup>563</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*, 5: 300.

<sup>564</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t.), 5: 3414.

<sup>565</sup> Jhon Farndon, *Ensiklopedia Mini Hewan* (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2004), 117.

menurut sunnah. Kala jengking merupakan haiwan berbahaya. Sengatannya mengandunginya bisa yang membawa maut.<sup>566</sup>

Di negara-negara beriklim panas, kala jengking membunuh lebih banyak manusia dari ular. Apabila terjadi kematian akibat sengatan kala jengking, umumnya disebabkan bisa telah merebak ke jantung dan menyebabkan kegagalan jantung seterusnya merusakkan sistem pernafasan mangsa.<sup>567</sup> Oleh itu, Nabi SAW telah mengajarkan doa memohon perlindungan dari kejahatan haiwan jenis ini sebagaimana hadith,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّهُ قَالَ : جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، مَا لَقِيتُ مِنْ عَقْرِبٍ لَدَعْتَنِي الْبَارِحَةَ ، قَالَ : " أَمَا لَوْ قُلْتَ حِينَ أَمْسَيْتَ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ لَمْ تَضُرَّكَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abū Hurairah RA katanya: “Datang seorang lelaki mengadu kepada Rasūllullāh SAW: “Wahai Rasūllullāh, aku telah terserempak dengan kala jengking dan ia telah menyengatku. Maka Rasūllullāh SAW pun bersabda: “Kalaulah kamu membaca “Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang Maha Sempurna dari kejahatan makhluk yang diciptakan-Nya”, nescaya kamu tidak akan dimudaratkan (disengat) olehnya.<sup>568</sup>

Bagi mengubati sengatannya, Nabi SAW membenarkan apa jua kaedah selagimana menepati syara’<sup>569</sup> dan dapat mencegah bisa dari memudaratkan sebagaimana hadith,

<sup>566</sup> Ini disokong oleh Ibn Manẓūr dan al-Azharī. ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itayūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 393, dan 25: 13.

<sup>567</sup> Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals* (New York: Amber Book Limited, 2004), 20-21.

<sup>568</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Zikr wa al Du’ā wa al-Taubah wa al-Istighfār, Bāb fī Ta’awudh min Sū’ al-Qaḍā’ wa Daraka al-Shiqā’ wa Ghairih, no. Hadith 2880. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1149.

<sup>569</sup> Rasullullah SAW sendiri telah memberi kebenaran kepada keluarga ‘Amrū bin Ḥazm berkenaan ruqyah yang mereka gunakan dalam mengubati sengatan kala jengking dan memperakui cara para sahabat yang telah menjampi seorang ketua puak ‘Arab yang telah disengat kala jengking. Nabi SAW membenarkan penggunaan nama-nama Allah dan ayat al-Qur’an dalam mengubati sengatan kala jengking seperti menjampi menggunakan surah al-Fatihah sebanyak tujuh kali. Inilah sebaik-baik ruqyah. Lihat hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṭibb, Bāb Ruqyah al-Hayat wa al-‘Aqrab, no. Hadith 3517 riwayat dari ‘Ā’ishah RA [عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: رَخَّصَ رَسُولُ اللَّهِ فِي الرَّقِيَّةِ مِنْ [الحية والغُزَّابِ]. Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 587. Lihat Ṣafā al-Dawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.tp., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 3: 128, dan

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : كَانَ لِي حَالٌ يَرْقِي مِنَ الْعُقْرَبِ ، فَنَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الرَّقْيِ ، قَالَ :  
فَأْتَاهُ ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرَّقْيِ ، وَأَنَا أَرْقِي مِنَ الْعُقْرَبِ ، فَقَالَ : " مَنْ  
اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ "

Terjemahan: Diriwayatkan dari Jābir RA berkata, *sahabatku (memiliki) ruqyah (mantera) yang biasa dilakukan jika terkena gangguan kala jengking sedangkan Rasūllullāh SAW telah melarang ruqyah, maka Rasūllullāh SAW bersabda: "Datangkan dia kepadaku." (Maka mereka menunjukkan kepada Rasūllullāh SAW (ruqyah itu)) dan berkata: "Wahai Rasūllullāh SAW, engkau telah melarang ruqyah sedangkan aku hanya melakukan ruqyah (mantera) jika terkena gangguan kala jengking"* lalu Baginda SAW berkata, *"Barangsiapa yang mampu memberi manfaat kepada saudaranya, maka lakukanlah."*<sup>570</sup>

Nabi SAW bersabda lagi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " اقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ : الْحَيَّةَ وَالْعُقْرَبَ "

Terjemahan: Diriwayatkan dari Abū Hurairah RA: *"Rasullullah SAW bersabda: "Bunuhlah dua jenis kehitaman ketika solat, kala jengking dan ular."*<sup>571</sup>

Pengkaji berpandangan hadith berikut menjadi dalil diharuskan membunuh kala jengking. Seruan membunuh kala jengking dalam solat bermaksud umat Islam harus membunuhnya dalam apa jua keadaan dan ketika. Kala jengking merupakan haiwan berbisa yang memudaratkan manusia dan sifat tersebut telah memasukkannya dalam kalangan haiwan fasiq.<sup>572</sup> Keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan responden faham mengenai sifat-sifat kala jengking sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut sunnah.

Muhammad bin 'Abd Raḥman Ibn 'Abd Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfat al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr lil Tabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 6: 227-228.

<sup>570</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab Al-Salām, Bāb Istihbāb al-Ruqyah min al-'Ain wa al-Namlah wa al-Ḥimah wa al-Nazrat, no. Hadith 5729. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz 'Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1068.

<sup>571</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Ṣolāt, Bāb al-'Amal fī al-Ṣolāt, no. Hadith 921. Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 160.

<sup>572</sup> Selain kala jengking, umat Islam harus membunuh tikus, anjing, ular, gagak dan helang dalam apa jua keadaan sekalipun dalam solat. Rujuk Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniah Ithnā' Nashr, 2001), 4: 43.

## 5. Gagak digelar fasiq oleh kerana ia haiwan pembangkai, pengotor dan mengganggu manusia dengan suara yang nyaring

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju gagak digelar fasiq oleh kerana ia haiwan pembangkai, pengotor dan mengganggu manusia dengan suara yang nyaring sebanyak 30.2 %.

Gagak merupakan haiwan bersayap dari keluarga burung dan lazimnya berwarna hitam.<sup>573</sup> Ia dikenali sebagai burung pembangkai sebagaimana burung nasar pembangkai berkepala botak. Terdapat pelbagai spesies gagak dan gagak *al-Abqa'* merupakan spesies gagak yang ada disebutkan dalam hadith.<sup>574</sup>

Ibn Qaşār menyatakan burung gagak digelar fasiq disebabkan keberadaannya yang berkembang biak berdekatan kediaman manusia dengan ada yang buas, pengotor, pembangkai dan rakus mencari makanan selain mampu mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan kukunya yang tajam.<sup>575</sup> Selain itu, burung gagak memiliki suara yang kuat dan nyaring yang selalu mengganggu ketenteraman penduduk. Najis gagak mengotorkan persekitaran kawasan perumahan dan merosakkan cat kereta.

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan jawapan responden terbukti bertepatan dengan kefahaman terhadap sifat-sifat gagak menurut sunnah dan responden faham mengenai sifat-sifat gagak sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak).

---

<sup>573</sup> 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itaybī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 15.

<sup>574</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-'Aẓīm Ābādī, *'Aun al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 298.

<sup>575</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182-183.

## **6. Helang digelar fasiq oleh kerana ia merupakan haiwan buas dan mengancam haiwan ternakan manusia**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju helang digelar fasiq oleh kerana ia merupakan haiwan buas dan mengancam haiwan ternakan manusia sebanyak 41.0%.

Keputusannya, pengkaji berpandangan jawapan responden ini bertepatan dengan pandangan para ulama mengenai sifat-sifat helang yang menyebabkan ia digelar haiwan fasiq. Al-Fayyūmī pernah menyatakan burung helang merupakan haiwan pemangsa ganas dan buas yang telah wujud sejak zaman Nabi Sulayman AS.<sup>576</sup> Imam al-Qādī ‘Ismā‘īl menyatakan burung helang digelar fasiq akibat sifatnya yang suka mencuri makanan dan daging dari tangan (hak kepunyaan) manusia. Helang suka memakan daging haiwan liar seperti arnab dan burung kecil termasuk haiwan ternakan manusia.<sup>577</sup>

Abū Bukayr berpandangan diizinkan orang Islam membunuh burung helang oleh kerana datangnya menyambar pada belakang unta (haiwan ternakan) peliharaan manusia semata-mata mahu mendapatkan daging santapan.”<sup>578</sup> Justeru, burung helang digelar fasiq disebabkan sifatnya yang melampaui batas dengan menyambar haiwan ternakan yang merupakan sumber makanan manusia.

---

<sup>576</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itayūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 14.

<sup>577</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’an* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182.

<sup>578</sup> *Ibid.*, 8: 182-183.

## 7. Anjing digelar fasiq oleh kerana ancamannya pada manusia selain berbahaya dan bengis

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju anjing digelar fasiq oleh kerana ancamannya pada manusia selain berbahaya dan bengis dengan peratusan sebanyak 33.2 %.

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan responden memahami sifat-sifat anjing yang menyebabkannya digelar sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak). Berkaitan istilah yang merujuk kepada sifat fasiq bagi anjing dalam hadith, baginda SAW menggunakan istilah [الْكَلْبُ الْعُقُورُ], anjing yang bersifat 'aqūr, bermakna anjing yang menyerang dan menggigit (memiliki sifat ganas haiwan pemangsa).<sup>579</sup> Ini selaras dengan hadith;

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: " خَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْفَأْرَةُ ،  
وَالْعُقْرُبُ، وَالْحُدَيْيَا، وَالْعُرَابُ، وَالْكَلْبُ الْعُقُورُ "

Terjemahan: *Diriwayatkan dari Saidatina 'Aishah RA, Nabi SAW pernah bersabda: "Lima (jenis) haiwan fasiq dan boleh dibunuh di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan anjing 'aqūr."*<sup>580</sup>

Maksud "*al-Kalb al-'Aqūr*" menurut jumhur ulama adalah ia tidak bermaksud anjing semata-mata. Bahkan meliputi setiap haiwan penerkam lain contohnya serigala, singa, beruang dan harimau yang mengancam dengan taringnya dan memusuhi manusia

<sup>579</sup> 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-It'yūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 394.

<sup>580</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitab Bad' al-Khalq, Bāb idhā Waqa'a al-Dhubāb fī Shirāb Aḥadikum Falyaghmishu Fainna fī Aḥad Janaḥaihi Dā' wa fī al-Ākhar Shifā'* wa Khams min al-Dawāb Fawāsiq Yaqtulna fī al-Ḥarām, no. Hadith 3314. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafīyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 446.

secara semulajadi.<sup>581</sup> Pandangan ini disokong oleh Zayd bin Aslam, Sufyān al-Thawrī, Ibn ‘Uyaynah, Imam al-Shāfi‘ī dan Imām Aḥmad.<sup>582</sup>

Selain itu, anjing sering mengejar manusia meskipun tidak diganggu. Tong sampah seringkali menjadi mangsa selongkaran sehingga membuat bau persekitaran menjadi busuk. Malah, ini diburukkan lagi dengan terdapat penduduk kawasan perumahan yang digigit dan dijangkiti virus ‘*anjing gila*’ yang membawa maut.

### 8. Ular digelar fasiq oleh kerana ia berbahaya dan mampu membawa maut

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju ular digelar fasiq oleh kerana berbahaya dan mampu membawa maut dengan peratusan sebanyak 37.2 %. Jawapan responden jelas bertepatan dengan hadith berikut,

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ يَخْطُبُ عَلَى الْمِنْبَرِ ، يَقُولُ : "اقتُلُوا  
الْحَيَّاتِ وَاقْتُلُوا ذَا الطُّفَيْتَيْنِ وَالْأَبْتَرَ فَإِنَّهُمَا يَطْمِسَانِ الْبَصَرَ وَيَسْتَسْقِطَانِ الْحَبْلَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar RA: *Dia mendengar Nabi SAW berkhotbah di atas mimbar. Baginda SAW bersabda: "Bunuhlah ular dan bunuhlah “dhā al-Ṭafyatain” (ular yang memiliki dua garis putih di belakangnya) dan “al-Abtar” (ular yang pendek ekornya), kerana sesungguhnya keduanya merosak penglihatan dan menggugurkan kandungan”*.<sup>583</sup>

Ular terdiri dari pelbagai jenis dengan sebahagiannya memiliki bisa dan sebahagiannya menggigit serta membelit dengan gigi tajam dan tubuh berotot yang kuat.

Spesies ular berbisa seperti “*dhā al-Ṭafyatain*” (ular yang memiliki dua garis putih di

<sup>581</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itaybī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 402, dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 205.

<sup>582</sup> *Ibid.*, 24: 396-397, dan Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 13: 114-115.

<sup>583</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb Qaul Allāh wa Bath tha fīhā Min Kulli Dābbah*, no. Hadith 3297. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 443.

belakangnya)<sup>584</sup> dan “*al-Abtar*” (ular yang pendek ekornya)<sup>585</sup> seperti disabdakan Nabi SAW adalah berbahaya dan bisanya boleh membunuh manusia dalam masa singkat, membutakan penglihatan<sup>586</sup> dan menggugurkan kandungan wanita mengandung dengan patukan bisa dan lilitannya.<sup>587</sup>

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan kefahaman responden tentang sifat-sifat ular sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah selari dengan sunnah.

### **9. Cicak digelar fasiq oleh kerana sifatnya yang suka membuang najis merata-rata dan mengganggu ibadah**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden sangat bersetuju cicak digelar fasiq oleh kerana sifatnya yang suka membuang najis merata-rata dan mengganggu ibadah dengan peratusan sebanyak 39.0 %.

Keputusannya, pengkaji berpandangan kefahaman responden tentang sifat-sifat cicak sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah selari dengan pandangan ulama. Cicak memang dikenal sebagai haiwan pengotor yang suka mencemarkan persekitaran melalui najisnya. Cicak cukup dibenci oleh kerana suka membuang najis ke dalam bekas makanan dan minuman manusia.<sup>588</sup>

---

<sup>584</sup> Abū Sulayman Muḥammad Al-Khaṭṭābī al-Bustī, *Ma‘ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Ḥalb: Maṭba‘ah al-‘Ilmiyah, 1934), 4: 157.

<sup>585</sup> *Ibid.*, 4: 157.

<sup>586</sup> *Ibid.*, 4: 157.

<sup>587</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniyah Ithnā’ Nashr, 2001), 6: 408, dan Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 230.

<sup>588</sup> Badr al-Dīn Abū Muḥammad Mahmūd bin Aḥmad al-‘Ainī, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2001), 15: 346.



Berkenaan kenajisan najis cicak, para ulama berselisih pendapat tentang kategori cicak sama ada tergolong dalam kalangan haiwan yang berdarah atau tidak. Pendapat muktamad dalam mazhab al-Shāfi'ī menyatakan cicak merupakan haiwan yang mengalir darahnya. Jadi, pakaian atau tubuh badan yang terkena najis cicak tidak boleh dibawa dalam solat.<sup>589</sup> Imam al-Nawāwī menyebutkan para ulama bersepakat mengakui perihal cicak sebagai spesies haiwan melata jenis perosak (*ḥasharāt*) dan memudaratkan kesihatan manusia sekeliling (*mu'dhiyāt*) dengan kekotoran dan penyebaran penyakit<sup>590</sup> meskipun tidak buas dan berbisa.

#### **10. Sifat-sifat haiwan fasiq (haiwan perosak) ini memudaratkan hidup dan kesihatan manusia selain mengancam hasil tanaman dan haiwan ternakan**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden sangat bersetuju sifat-sifat haiwan fasiq (haiwan perosak) ini memudaratkan hidup dan kesihatan manusia selain mengancam hasil tanaman dan haiwan ternakan dengan peratusan 40.0 %.

Kefahaman responden bertepatan dengan pandangan ulama seperti Ibn Qaṣār yang menyebutkan peringatan sifat haiwan fasiq yang diberikan Nabi SAW terhadap ketujuh-tujuh haiwan fasiq (haiwan perosak) mempunyai signifikan tersendiri.

Anjing disifatkan fasiq disebabkan ia mampu menghadirkan gangguan dan ancaman kepada manusia. Burung helang dan burung gagak digelar fasiq disebabkan khusus terhadap keberadaan habitatnya berdekatan tempat tinggal manusia dengan ada yang buas, liar, rakus dan mengancam manusia dan hasil ternakan. Manakala tikus dan cicak

---

<sup>589</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimasyq: Dār al-Fikr, 1985), 1: 161.

<sup>590</sup> Al-Qādī 'Iyād, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim lil Qādī 'Iyād al-Musammā Ikmal Mu'allim bi Fawā'id Muslim* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' lil Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1998), 7: 174, dan Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-'Adawī, *Ihdā' al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.tp., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 4: 400.

disebabkan kerosakan dan kemusnahan bawanya dari segi penyakit, kekotoran dan ancaman kepada hasil tanaman. Kala jengking dan ular pula disebabkan memiliki bisa yang memudaratkan.<sup>591</sup>

Pengkaji berpendapat apabila digabungkan semua nilai ancaman yang terdapat pada ketujuh-tujuh haiwan fasiq (haiwan perosak) utama dalam perbahasan di atas. Ia sebenarnya tertakluk atas empat dasar utama: **[Pertama]**: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). **[Kedua]**: Haiwan yang memudaratkan nyawa dan kesihatan manusia. **[Ketiga]**: Haiwan yang merosakkan harta benda. **[Keempat]**: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.

Keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan responden memahami dengan baik sifat-sifat haiwan fasiq (haiwan perosak) secara terperinci.

**11. Meskipun Nabi SAW hanya menyebutkan tujuh jenis haiwan fasiq (haiwan perosak), namun ia tidak terhad kepada tujuh haiwan tersebut bahkan turut meliputi haiwan lain yang sama sifat**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju meskipun Nabi SAW hanya menyebutkan tujuh jenis haiwan fasiq (haiwan perosak), namun ia tidak terhad kepada tujuh haiwan tersebut bahkan meliputi haiwan lain yang sama sifat dengan peratusan sebanyak 37.5 %.

---

<sup>591</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikṃāl al-Ikṃāl Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 313, dan Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-'Adawī, *Ihdā' al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.tp., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 24: 402.

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ ابْنَ عُمَرَ مَا يَقْتُلُ الْمُحْرِمُ مِنَ الدَّوَابِّ؟، فَقَالَ : أَخْبَرْتَنِي إِحْدَى نِسْوَةِ رَسُولِ اللَّهِ أَنَّهُ أَمَرَ أَوْ أُمَرَ أَنْ يَقْتُلَ الْقَارَةَ، وَالْعُقْرَبَ، وَالْحِدَاةَ، وَالْكَلْبَ الْعُقُورَ، وَالْعُرَابَ

Terjemahan: “*Sesungguhnya seorang lelaki telah bertanya kepada Ibn ‘Umar apakah haiwan melata yang boleh dibunuh orang yang ihram?. Ibn ‘Umar pun berkata:”Telah dikhabarkan kepadaku salah seorang isteri Nabi SAW (Hafsa binti ‘Umar) bahawa Nabi SAW telah memerintahkan orang ihram membunuh tikus, kala jengking, helang, anjing dan gagak.*<sup>592</sup>

Berdasarkan hadith tertera, haiwan fasiq (haiwan perosak) utama terdiri dari lima jenis haiwan iaitu tikus, kala jengking, helang, anjing dan gagak. Ular dan cicak turut termasuk dalam kalangan haiwan fasiq kerana disebutkan dalam riwayat lain. Kenyataannya, ketujuh-tujuh haiwan fasiq tersebut semuanya memiliki sifat zalim yang mampu mengancam kesejahteraan hidup manusia.<sup>593</sup>

Berkenaan bilangan empat, lima, enam atau tujuh jenis haiwan fasiq,<sup>594</sup> itu hanya untuk menunjukkan peringatan tentang persepakatan ulama tentang ‘illah sifat yang

<sup>592</sup> Hadith riwayat Muslim Muslim, Kitab al-Ḥajj, Bāb Mā Yandibu lil Muḥarram wa Ghairih Qatalahu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Ḥarām, no. Hadith 2870. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sitrah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz ‘Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 874

<sup>593</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, ‘*Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 300.

<sup>594</sup> Berkenaan jumlah sebenar haiwan yang disifatkan sebagai haiwan fasiq, Imam al-Suyūṭī telah menyatakan lima jenis haiwan fasiq yang utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar RA tidak bermaksud ianya khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Ia hanya merupakan salah satu bentuk *i’tibār* (contoh) dalam menyatakan jenis haiwan fasiq dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima jenis haiwan itu sahaja. Kemungkinan Nabi SAW menyebutkan kelima-lima jenis haiwan ialah pada mulanya dan kemudiannya baginda SAW menyebutkan selepas itu jenis-jenis haiwan yang lain yang sama hukum fasiqnya dengan lima haiwan yang utama. Maka, bilangan “lima” haiwan fasiq ini tidaklah tetap. Turut dinyatakan dalam sebahagian riwayat ‘Ā’ishah RA dengan lafaz “empat” dan “enam”. Adapun hadith yang menyatakan “empat” jenis haiwan fasiq yang dikeluarkan oleh Imam Muslim riwayat al-Qāsim dari ‘Ā’ishah RA dengan tidak menyebutkan gagak. Manakala “enam” jenis haiwan fasiq sebagaimana dinyatakan Imam Muslim riwayat dari Abū ‘Uwānah dari ‘Ā’ishah RA ditambah ular. Dalam hadith riwayat Abū Sa‘īd al-Khudrī, disebutkan sebanyak “tujuh” jenis haiwan fasiq dengan tambahan “*al-Sab‘u al-‘Adī*” haiwan buas yang biasa secara adatnya memusuhi manusia. Selain itu, dalam hadith riwayat Abū Hurairah RA yang dikeluarkan oleh Ibn Khuzaimah, ada dinyatakan harimau dan serigala yang menjadikan “sembilan” haiwan fasiq. Hadith ini turut dikeluarkan Ibn Abī Shaybah, Sa‘īd bin Manṣūr dan Abū Dāwūd dari jalan Sa‘īd bin Musayyib. Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 44.

terdapat pada haiwan tertentu sehingga digelar sebagai fasiq, iaitu bersifat “*menyakiti*” (*‘aqur*), “*tidak bermanfaat*” dan “*suka berbuat kerosakan*”<sup>595</sup> pada manusia.<sup>596</sup>

Berkaitan penggunaan istilah *al-Dawāb* dalam hadith berikut yang bermaksud haiwan melata.<sup>597</sup> Para ulama telah bersepakat penggunaan istilah ini tidak dikhususkan kepada haiwan darat, bahkan termasuk kalangan burung seperti gagak dan helang. Ini berdasarkan dalil keumuman<sup>598</sup> firman Allah SWT,

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Hūd 11: 6

Terjemahan: “*Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Laūh Mahfūz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).*”

Justeru, pengkaji berpandangan hadith Rasullullah SAW tersebut bertindak sebagai asas hukum berkenaan sifat-sifat yang terdapat pada haiwan fasiq (haiwan perosak)<sup>599</sup> dan hal ini tidak terhad kepada haiwan-haiwan yang disebutkan dalam hadith. Para ulama

<sup>595</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’an* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 184.

<sup>596</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmal al-Ikmal Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 313, dan ‘Alī bin ‘Ādam bin Mūsā al-Itayūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 390.

<sup>597</sup> Rujuk hadith dalam analisis pertama riwayat Muslim, Kitab al-Ḥajj, Bāb Mā Yandibu lil Muḥarram wa Ghairih Qatluhu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Ḥarām, no. Hadith 2871. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz ‘Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 874.

<sup>598</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 4: 45.

<sup>599</sup> ‘Alī bin ‘Ādam bin Mūsā al-Itayūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 390; 402.

memasukkan semua spesies haiwan buas dan perosak lain seperti lipan, lipas, serigala, harimau yang memiliki sifat-sifat haiwan fasiq utama dalam kategori “*haiwan fasiq*”.<sup>600</sup>

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan kefahaman responden bertepatan dengan sunnah dan mereka faham akan skop jumlah haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam Islam yang tidak khusus kepada tujuh haiwan fasiq utama yang disebutkan dalam hadith.

## 12. Haiwan fasiq mempunyai kaitan dengan haiwan perosak lain

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju haiwan fasiq mempunyai kaitan dengan haiwan perosak lain dengan peratusan sebanyak 41.0 %.

Keputusannya, pengkaji berpandangan responden memahami kaitan haiwan fasiq dan haiwan perosak. Kefahaman responden sejajar dengan *ijma'* ulama yang menyebutkan gelaran tikus sebagai haiwan fasiq adalah untuk mengisyaratkan pada haiwan lain yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan burung gagak dan burung helang untuk mengisyaratkan pada haiwan yang mengganggu manusia dengan menyambar dan bersikap pengotor. Manakala permisalan anjing ‘*aqūr*’ bagi menunjukkan semua haiwan yang mengganggu dan menyerang dengan gigitan taringnya<sup>601</sup> Sebutan “‘*aqrab*’” menunjukkan semua haiwan yang mengganggu dan mengancam manusia melalui bisa dan gigitan beracun.

---

<sup>600</sup> Pendapat ini disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hambali. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207-208.

<sup>601</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207-208, dan Muḥammad bin ‘Abd Raḥman Ibn ‘Abd Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr lil Tabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 3: 576.

Berdasarkan penelitian terhadap sifat-sifat haiwan yang menjadi faktor utama digelar sebagai haiwan fasiq. Maka dapat dibuat perkaitan antara haiwan fasiq dengan haiwan perosak. Huraian lebih lanjut dapat dilihat pada jadual berikut,

Jadual 4.0: Pendekatan Dalam Mengenalpasti Haiwan Fasiq

<b>Haiwan Fasiq</b>	<b>Tabiat/Sifat</b>	<b>Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)</b>
<b>Tikus</b>	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipas Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
<b>Kala Jengking</b>	Berbisa Memudaratkan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
<b>Burung Gagak</b>	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Menggangu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
<b>Burung Helang</b>	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun
<b>Anjing</b>	Bengis Pembawa Penyakit Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Boleh menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
<b>Ular</b>	Berbisa Memusuhi manusia Boleh menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)

<b>Cicak</b>	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Suka membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat
--------------	---	---

Pengkaji berpandangan semua haiwan perosak berikut adalah tergolong dalam kalangan haiwan fasiq oleh kerana mempunyai persamaan sifat dengan ketujuh-tujuh haiwan fasiq utama. Haiwan perosak tersebut mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman sama ada kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman. Justeru, haiwan fasiq sememangnya berkait rapat dengan haiwan perosak. Perkataan haiwan fasiq hanya sebagai perumpamaan (*isti'ārah*) baginda SAW dalam memberi panduan untuk memilih dan menentukan haiwan yang melampaui batas terhadap manusia dan harus dibunuh dalam Islam.<sup>602</sup>

### **13. Harimau, singa, beruang dan buaya termasuk dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Menerusi kenyataan berikut, peratusan besar responden tidak bersetuju harimau, singa, beruang dan buaya termasuk dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan peratusan sebanyak 32.0 %.

Melalui perbincangan soalan 11 dan 12 bahagian D, telah dijelaskan hadith Nabi SAW mengenai kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah bertindak sebagai dasar hukum untuk mengenal pasti sifat-sifat haiwan fasiq dan haiwan seumpamanya.<sup>603</sup>

<sup>602</sup> Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārak Fūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī*, 3: 576.

<sup>603</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itaybī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 390; 402.

Sebenarnya, *'illah* yang terdapat pada harimau, singa, beruang dan buaya adalah menjadi faktor mengapa haiwan tersebut tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak). Harimau, singa, beruang dan buaya semuanya memiliki sifat “*‘aqūr*” yang mengambil hukum dari sifat anjing iaitu “*mengancam dengan taring dan gigi.*” Para ulama memasukkan semua spesies haiwan buas dan haiwan yang memusuhi manusia dalam kategori “*haiwan fasiq.*”<sup>604</sup>

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan responden tidak memahami definisi sebenar haiwan fasiq serta kaitan antara haiwan fasiq dan haiwan perosak menurut sunnah.

#### **14. Nyamuk, lintah, pacat, kutu, lipan, kera dan monyet tidak tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju nyamuk, lintah, pacat, kutu, lipan, kera dan monyet tidak tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan peratusan sebanyak 43.2 %.

*'Illah* yang terdapat pada nyamuk, lintah, pacat, kutu, lipan, kera dan monyet adalah menjadi faktor mengapa haiwan tersebut tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak). Monyet dan kera memiliki sifat gagak dan helang sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak) iaitu “*mengancam dengan merampas makanan dari tangan manusia dan mengganggu ketenteraman hidup manusia.*” Lipan memiliki sifat yang sama dengan kala jengking iaitu “*berbisa dan membawa mudarat.*”

Manakala pacat, kutu, lintah dan nyamuk memiliki sifat yang sama dengan cicak iaitu “*haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia dan berpotensi sebagai pembawa*

---

<sup>604</sup> Pendapat ini disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al., 10: 207-208.



*virus dan bakteria merbahaya.*” Justeru, semua jenis haiwan yang disebut dalam kenyataan pengkaji adalah tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak).<sup>605</sup>

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan responden tidak memahami dengan sempurna hubung kait haiwan fasiq dan haiwan seumpamanya menurut sunnah.

## 15. Orang Islam boleh membunuh semua jenis haiwan yang mengganggu hidup mereka

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju orang Islam boleh membunuh semua jenis haiwan yang mengganggu hidup mereka dengan peratusan sebanyak 37.2 %.

Perlu diketahui, gelaran fasiq terhadap seseekor haiwan telah menjadikannya harus dibunuh.<sup>606</sup> Oleh sebab itu, jumhur ulama mengharuskan umat Islam membunuh semua jenis haiwan yang bersifat dengan sifat fasiq<sup>607</sup> (melampaui batas kepada manusia)<sup>608</sup> sama ada di tanah haram atau halal.<sup>609</sup><sup>610</sup>

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan responden memahami perkara berikut dan jawapan responden didapati selari dengan pandangan jumhur ulama.

---

<sup>605</sup> Ini berdasarkan empat dasar utama dalam menetapkan hukum fasiq bagi seseekor haiwan: **Pertama:** Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). **Kedua:** Haiwan yang memudaratkan nyawa dan kesihatan manusia. **Ketiga:** Haiwan yang merosakkan harta benda. **Keempat:** Haiwan yang mengancam haiwan ternakan. Penerangan lebih lanjut boleh diteliti pada perbincangan hadith pertama dalam bab kedua.

<sup>606</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fāhrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniyah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>607</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al., 10: 207, dan ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itaybī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 396.

<sup>608</sup> *Ibid.*, 10: 207.

<sup>609</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafīyah, 1968), 14: 173.

<sup>610</sup> Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulieman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 526-532.

## 16. Membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan sekali pukulan yang terus mematikan merupakan kaedah terbaik

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden sangat bersetuju membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan sekali pukulan yang terus mematikan merupakan kaedah terbaik dengan peratusan sebanyak 47.0 %.

Pengkaji berpandangan antara metode terbaik yang dianjurkan Nabi SAW untuk menangani kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) sekaligus menghilangkan mudarat pada manusia ialah dengan cara membunuh. Malah, gelaran fasiq pada haiwan itu sendiri telah mengisyaratkan ia harus dibunuh.<sup>611</sup> Hal ini berlandaskan kaedah fiqh *al-Ḍarār Yūzal*, kemudharatan mesti dihapuskan.<sup>612</sup>

Cara terbaik untuk membunuh kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) ialah dengan satu pukulan yang terus mematikan.<sup>613</sup> Hal ini dikiaskan dari hadith kaedah membunuh cicak berikut,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "مَنْ قَتَلَ وَزَعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الْأُولَى، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّلَاثَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الثَّانِيَةِ"

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasūllullāh SAW bersabda, "Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang

<sup>611</sup> Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniyah Ithnā' Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>612</sup> Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194.

<sup>613</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Saḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 314, dan Muḥammad bin 'Abd Raḥman Ibn 'Abd Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr lil Tabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 5: 58.

*pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi.*”<sup>614</sup>

Sheikh ‘Iz al-Dīn ‘Abd al-Salām menyatakan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik (*aḥsan*)<sup>615</sup> Ini menepati maqāṣid hadith Nabi SAW;

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ ، أَنَّ النَّبِيَّ قَالَ : " إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ ،  
فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ

Terjemahan: Dari Shaddād bin Aws RA, sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda: “*Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan kepada semua perkara. Jika kamu membunuh, maka elokkan pembunuhan kamu (membunuh dengan sifat ihsan).*”<sup>616</sup>

Keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan kefahaman responden mengenai cara membunuh haiwan fasiq adalah menepati sunnah Nabi SAW.

### **17. Kaedah kawalan biologi dengan cara membela haiwan seperti burung pemangsa adalah langkah yang tepat dalam menangani haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Meneliti kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju kaedah kawalan biologi dengan membela haiwan seperti burung pemangsa adalah langkah tepat dalam menangani haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan peratusan sebanyak 29.8 %.

<sup>614</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Istihbāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5846. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz ‘Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1076.

<sup>615</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, ‘*Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 174.

<sup>616</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ṣīd wa al-Dhabāih wa Mā Yu’kalu Min al-Ḥayawān, Bāb al-Amr bi al-Ihsān al-Dhibih wa al-Qatl wa Taḥdīd al-Shafrah, no. Hadith 5055. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz ‘Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1027.

Melalui penelitian pengkaji, tiada dalil khusus berhubung penggunaan kaedah kawalan biologi dalam menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak). Apa yang ada hanya perintah Nabi SAW secara umum agar membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) yang mengganggu gugat kesejahteraan hidup manusia dan suruhan membunuh dengan satu pukulan.

Mengulas berhubung kaedah interaksi manusia terhadap haiwan fasiq, pengkaji berpandangan Islam mengambil pendirian terbuka. Sebarang kaedah adalah diterima asalkan tidak melampaui batasan syara' dan memenuhi maqasid suruhan Nabi SAW iaitu *“menghapuskan ancaman dan gangguan haiwan fasiq (haiwan perosak) menggunakan metodologi terbaik yang bebas dari unsur penganiayaan haiwan.”*

Aplikasi kaedah kawalan biologi dengan memelihara haiwan pemangsa seperti ular dan helang terbukti bermanfaat dalam menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) terutamanya dalam sektor pertanian. Kaedah tersebut tidak mengandungi unsur penganiayaan haiwan. Haiwan fasiq (haiwan perosak) yang dibunuh secara fitrahnya merupakan makanan bagi haiwan pemangsa berkaitan. Justeru, kaedah kawalan biologi adalah berkesan untuk mengawal populasi haiwan fasiq (haiwan perosak).

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat kaedah kawalan biologi adalah harus dan menepati kriteria penggunaan kaedah dalam interaksi antara manusia dan haiwan fasiq. Para responden memahami kaedah kawalan biologi merupakan langkah tepat menangani haiwan fasiq (haiwan perosak).

**18. Tindakan kerajaan yang membolehkan penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) terhadap sektor pertanian di Malaysia adalah tepat**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju tindakan kerajaan yang membolehkan penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) terhadap sektor pertanian di Malaysia adalah tepat dengan peratusan 40.0 %.

Sektor pertanian merupakan salah satu industri penting Malaysia. Musuh utama industri pertanian lazimnya haiwan kecil seperti ulat, belalang dan anai-anai. Justeru, penggunaan racun penting agar tanaman terhindar, tidak dihinggap atau dimakan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang suka merosakkan hasil tanaman.

Mengambil kira kemusnahan yang diakibatkan haiwan fasiq (haiwan perosak) terhadap hasil tanaman, pengkaji berpandangan Islam membenarkan penggunaan racun dalam industri pertanian. Nabi SAW pernah bersabda;

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: "نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الضَّرْبِ فِي الْوَجْهِ، وَعَنِ الْوَسْمِ فِي الْوَجْهِ

Terjemahan: Dari Jābir RA katanya: “*Rasullullah SAW melarang memukul haiwan pada bahagian muka dan menyembur racun pada mukanya.*”<sup>617</sup>

Mengulas nas berikut, semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Ādami*)<sup>618</sup> adalah haram. Semburan racun yang diharuskan hanya pada anggota selain dari muka.<sup>619</sup>

<sup>617</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Libās wa al-Zīnah, Bāb al-Nahy ‘An Ḍarab al-Ḥayawān fī Wajhihi wa Wasmuhu fīhi, no. Hadith 5550, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Jihād, Bāb al-Nahy ‘An al-Wasm fī al-Wajh wa al-Ḍarab fī al-Wajh, no. Hadith 2564, dan al-Tirmidhī, Kitab al-Jihād, Bāb Mā Jā’a fī Karāhiyah al-Taḥrīsh Baina al-Bahā’im wa al-Ḍarab wa al-Wasm fī al-Wajh, no. Hadith 1710. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 1056, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī‘, 1988), 451, dan Abū ‘Abd ‘Allah Abū ‘Isa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī‘, 1996), 399.

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq perosak tanaman jenis berdarah (*al-Ādami*) seperti tikus perlu dielakkan. Racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman haiwan. Kaedah memasang perangkap lebih berkesan terhadap kelompok tersebut.

Bagi haiwan perosak tanaman tidak berdarah (*ghair al-Ādami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh<sup>620</sup> dan tidak sampai kepada hukum haram. Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawāwī dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan fasiq tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) yang lazimnya kecil, licik, sukar ditangani dan ditentukan bahagian yang ingin disembur racun seperti belalang dan ulat.

Kesimpulannya, pengkaji menyimpulkan kefahaman responden adalah bertepatan dengan pandangan ulama mu'tabar. Penggunaan racun dalam dalam sektor pertanian di Malaysia adalah penting bagi membendung ancaman haiwan fasiq pemusnah tanaman yang sukar ditangani.

## **19. Penggunaan pagar elektrik boleh diaplikasikan bagi menangani haiwan fasiq (haiwan perosak)**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju penggunaan pagar elektrik boleh diapikasi bagi menangani haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan peratusan sebanyak 36.8 %.

---

<sup>618</sup> Imam Abu Hanifah tetap berpendirian tidak membolehkan sebarang semburan racun pada haiwan yang berdarah kerana boleh menyeksakan haiwan melalui serapan racun dalam saluran darah haiwan. Rujuk Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1930), 14: 99-100.

<sup>619</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1930), 14: 97.

<sup>620</sup> *Ibid.*, 14: 97.

Dewasa ini, pencerobohan haiwan liar misalnya babi hutan, gajah dan kera bahkan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing menjadi masalah utama petani atau penghuni rumah di kawasan perkampungan daerah Pengkalan Hulu, Perak. Pagar dawai berduri, dawai jaring, pukot dan pagar kawat sering digunakan untuk mengatasi masalah ini.

Pengkaji berpandangan penggunaan pagar dawai duri dan dawai jaring didapati kurang berkesan kerana mudah berkarat dan kurang berkesan mengawal ancaman haiwan liar seperti babi hutan, kera dan gajah. Pagar pukot terdedah kepada kebakaran manakala kos pagar kawat terlalu mahal. Justeru, penggunaan pagar elektrik merupakan alternatif lebih berkesan, murah, tahan lama, tahan karat dan tahan api.

Bagi menangani haiwan fasiq (haiwan perosak), metode selain memukul adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Namun, prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tetapi atas dasar masalah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyeksaan dan penganiayaan haiwan serta cara tersebut merupakan kaedah paling efektif dan cepat membunuh.

Oleh itu, penggunaan pagar elektrik didapati sangat sesuai dan efektif menghalang haiwan fasiq (haiwan perosak) sama ada kecil atau besar dari memasuki kebun tanaman atau kawasan tempat tinggal. Penggunaannya lebih menjimatkan kos, masa dan tenaga berbanding kaedah kebiasaan. Penggunaan pagar elektrik tidak menzalimi haiwan, melainkan pengaliran arus elektrik dilakukan secara haram terus dari punca kuasa.

Penggunaan pagar elektrik sebenarnya lebih cenderung untuk menghalau haiwan fasiq (haiwan perosak). Kebiasaannya, sejenis alat khas digunakan untuk merendahkan arus

elektrik supaya tidak menyebabkan kematian haiwan yang menghampiri. Hasilnya, haiwan tidak akan berani mendekati kawasan terbabat disebabkan takut direnjat elektrik.

Kesimpulannya, kefahaman responden adalah bertepatan dengan fiqh hadith Nabi SAW yang membenarkan apa jua kaedah yang baik dan berkesan menangani gangguan haiwan fasiq.

## **20. Tindakan kerajaan tempatan (Majlis Daerah Pengkalan Hulu) menembak dan menangkap haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah bertepatan dengan ajaran Islam**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju tindakan kerajaan tempatan (Majlis Daerah Pengkalan Hulu) menembak dan memerangkap haiwan fasiq (haiwan perosak) adalah bertepatan dengan ajaran Islam dengan peratusan 41.8 %.

Pengkaji berpandangan tindakan membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan cara menembak adalah harus. Hal ini dikiaskan dari keharusan menembak haiwan buruan. Kaedah menembak lebih praktikal pada haiwan fasiq (haiwan perosak) besar yang tidak mungkin mati dengan kaedah pukulan dengan syarat tiada unsur penyaniayaan haiwan serta ikhlas dalam tindakan.<sup>621</sup>

Keharusan menggunakan kaedah selain pukulan dapat dilihat pada hadith riwayat Saidatinā 'Ā'ishah RA. Beliau menggunakan tombak<sup>622</sup> dan lembing<sup>623</sup> untuk membunuh

---

<sup>621</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Sahīh Muslim bi Sharh al-Nawāwī* (Riyadh: al-Maṭba'ah al-Misriyah, 1969), 14: 239.

<sup>622</sup> Ini sebagaimana hadith,  
عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ ، أَنَّ امْرَأَةً دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ وَبَيْدَهَا عُرْجَاؤُ ، فَقَالَتْ : مَا هَذَا ؟ فَقَالَتْ : هَذِهِ الْوَزْعُ ، لِأَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ حَدَّثَنَا أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ شَيْءٌ إِلَّا يُطْفِئُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ ، إِلَّا هَذِهِ النَّائِبَةُ ، فَأَمَرْنَا بِقَتْلِهَا "

Terjemahan: Dari Sa'īd bin al-Musayyib RA, *ada seorang perempuan (Ummu Sharīk) datang kepada 'Ā'ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka 'Ā'ishah bertanya: "Untuk apakah lembing ini?". Ummu Sharīk pun menjawab: "Untuk membunuh cicak. Kerana Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya."* Rujuk



cicak yang merupakan salah satu spesies haiwan fasiq (haiwan perosak). Ini dilakukan agar urusan pembunuhan dapat disempurnakan dengan lebih baik<sup>624</sup> sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyeksakan dan paling kurang mendatangkan kesakitan pada haiwan.

Mengulas tindakan menangkap haiwan fasiq (haiwan perosak), kebiasaannya dilakukan kepada haiwan besar, dengan cara menangkap haiwan fasiq (haiwan perosak) terbabit dan melepaskannya ke kawasan lain yang jauh dari penempatan manusia. Kaedah ini lebih baik dari membunuh kerana dapat mengekalkan kelangsungan spesies haiwan.

Jelas, aplikasi kaedah menembak dan menangkap haiwan fasiq (haiwan perosak) menepati maqasid kaedah fiqh *al-Darar Yūzal* (kemudaratan mesti dihapuskan) dan *al-Darar Udfa' Bi Qadr al-Imkān*, (keburukan mesti dibendung sedapat mungkin).<sup>625</sup> Justeru, sebarang kaedah yang berkesan menghilangkan mudarat haiwan fasiq kepada manusia adalah bertepatan dengan kehendak syara'.

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan responden faham mengenai cara berinteraksi dengan haiwan fasiq menurut sunnah di mana Islam membenarkan semua kaedah yang baik dan berkesan menangani ancaman haiwan fasiq.

---

Hadith riwayat al-Nasā'i, Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 2831. Lihat Abū 'Abd Raḥman Aḥmad bin Shu'āib bin 'Alī al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1988), 439.

<sup>623</sup> Ini sebagaimana hadith,

عَنْ سَابِئَةَ مَوْلَاةِ الْعَاصِمِ بْنِ مَرْثَدَةَ قَالَتْ دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ فَرَأَتْ فِي بَيْتِهَا رَمْحًا مَوْضُوعًا، فَقَالَتْ : يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ، مَا تَصْنَعِينَ بِهَذَا؟، قَالَتْ : نَقْتُلُ بِهِ هَذِهِ الْأَوْزَاعَ، فَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ أَحْبَبَنَا : "أَنَّ إِبْرَاهِيمَ لَمَّا أَقْبَى فِي النَّارِ، لَمْ تَكُنْ فِي الْأَرْضِ دَابَّةً إِلَّا أَطْفَأَتْ النَّارَ غَيْرَ الْوَجْهِ، فَإِنَّهَا كَانَتْ تَنْفُخُ عَلَيْهِ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ بِقَتْلِهِ "

Terjemahan: Dari Sā'ibah Maulah Al-Fākih bin Al-Mughīrah bahawasanya dia menemui 'Aisyah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya kepada 'Ā'ishah RA: "Wahai Ummul Mu'minin, apa yang engkau lakukan dengan tombak ini?". 'Aisyah RA menjawab: "Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satu pun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang meniup-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya." Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṣīd, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 3231. Lihat Ibn Mājah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif lil Nashr wa al-Tawzi', 1986), 545.

<sup>624</sup> 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-It'yūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 7-8.

<sup>625</sup> Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194, dan Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron dan Nik Yusri Musa, *Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam, Jurnal Hadhari 2* (Januari-Jun 2009), 78-79.

## 21. Tindakan anggota masyarakat melastik cicak adalah menepati sunnah Nabi SAW

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden sangat bersetuju tindakan anggota masyarakat melastik cicak adalah menepati sunnah Nabi SAW dengan peratusan sebanyak 35.2 %.

Melalui penelitian pengkaji, tiada sebarang dalil mengenai perbuatan melastik cicak. Didapati hanya terdapat hadith anjuran memukul dan penggunaan tombak serta lembing untuk membunuh cicak.<sup>626</sup> Namun begitu, perbuatan melastik cicak hukumnya harus. Hal ini dikiasikan dari hadith galakan membunuh cicak dengan cara memukul berikut,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "مَنْ قَتَلَ وَزَعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الْأُولَى، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّلَاثَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الثَّانِيَةِ"

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasūllullāh SAW bersabda, "Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan satu pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi."<sup>627</sup>

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan responden sangat memahami tindakan melastik cicak adalah menepati sunnah Nabi SAW. Akan tetapi, amalan sunnah melastik cicak pada malam Jumaat nyata tidak berasas. Apa yang dapat pengkaji simpulkan

<sup>626</sup> Hadith penggunaan tombak dan lembing untuk membunuh cicak boleh dirujuk dalam perbahasan soalan 20 bahagian D.

<sup>627</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Istihbāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5846. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz 'Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1076.

berkemungkinan masyarakat mengambil langkah membunuh cicak pada malam Jumaat untuk bertabarruk (mengambil berkat) dengan kebesaran hari Jumaat.

## 22. Cicak dibunuh oleh kerana terdapat hadith yang jelas menerangkan galakan Nabi SAW kepada umatnya supaya membunuh cicak

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju bahawa cicak dibunuh oleh kerana terdapat hadith yang jelas menerangkan galakan Nabi SAW kepada umatnya supaya membunuh cicak dengan peratusan sebanyak 28.5 %.

Keputusannya, kefahaman responden jelas bertepatan dengan hadith berikut,

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، أَنَّ أُمَّ شَرِيكِ أَخْبَرَتْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ: " أَمَرَهَا بِقَتْلِ الْأَوْزَاعِ

Terjemahan: Dari Sa'īd bin al-Musayyib RA katanya, "*Sesungguhnya Ummu Sharīk telah mengkhabarkan kepadanya bahawa Nabi SAW telah memerintahkan (supaya) membunuh cicak.*"<sup>628</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "مَنْ قَتَلَ وَزْعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونَ الْأُولَى، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّلَاثَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونَ الثَّانِيَةِ"

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, "*Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi.*"<sup>629</sup>

<sup>628</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Bad' al-Khalq, Bāb Khair Māl al-Muslim Ghanam Yattabi' Bihā Sha'fu al-Jabāl, no. Hadith 3307. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaerah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 445.

<sup>629</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Salām, Bāb Istihbāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5846. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz 'Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1076.

Jumhur ulama bersepakat menjadikan hadith berikut sebagai dalil keharusan membunuh cicak di dalam dan luar tanah Haram.<sup>630</sup> Hal ini kerana cicak memiliki sifat fasiq (suka mengganggu dan melampaui batas) serta dikenali sebagai haiwan pengotor yang suka membuang najis ke dalam bekas makanan dan minuman manusia.<sup>631</sup> Malah, terdapat banyak *āthār* lain yang memerintahkan supaya membunuh cicak bahkan gelaran fasiq bagi cicak itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh.<sup>632</sup>

### **23. Cicak dibunuh atas dasar menurut sejarah para nabi, ia merupakan haiwan yang jahat di mana ia telah membantu meniup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden sangat bersetuju cicak dibunuh atas dasar menurut sejarah para nabi, ia merupakan haiwan yang jahat di mana ia telah membantu meniup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS dengan peratusan sebanyak 47.0 %.

Dalam Islam, cicak memang dikenal sebagai haiwan jahat. Ini boleh dilihat pada hadith berikut,

عَنْ أُمِّ شَرِيكَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: " أَمَرَ بِقَتْلِ الْوَزَغِ ، وَقَالَ: كَانَ يَنْفُخُ عَلَى  
إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ

Terjemahan: Dari Ummu Sharīk RA, “*Sesungguhnya Nabi SAW telah memerintahkan membunuh cicak. Nabi SAW pernah bersabda: “Saat*

<sup>630</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itayūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 8, dan Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.tp., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 4: 400.

<sup>631</sup> Badr al-Dīn Abū Muhammad Mahmūd bin Aḥmad al-‘Ainī, *‘Umdah al-Qāri Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2001), 15: 346.

<sup>632</sup> Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, 4: 400, dan Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniyah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45.

*Nabi Allāh Ibrāhīm AS (dibakar hidup-hidup), haiwan ini (cicak) telah meniup-niup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS.*<sup>633</sup>

Secara kasar, hadith di atas seolah-olah mengisyaratkan Nabi SAW menyeru umatnya membunuh cicak atas dasar dendam disebabkan ia pernah membantu meniup api yang membakar Nabi Ibrahim AS. Namun, hakikatnya bukan begitu. Dalam Islam, tiada makhluk yang dihukum atas kesalahan lampau.

Hadith tersebut sebenarnya bertujuan menunjukkan sifat cicak yang suka melampaui batas terhadap manusia dimulai permusuhan terhadap Nabi Ibrahim AS.<sup>634</sup> Malah, cicak diumpamakan sebagai haiwan yang memusuhi orang mukmin dan membantu kaum musyrik menyakiti orang beriman.<sup>635</sup>

Para ulama bersepakat dan memperakui perihal cicak sebagai haiwan melata jenis perosak (*hasharāt*) dan memudaratkan kesihatan manusia sekeliling (*mu'dhiyāt*) dengan kekotoran dan penyebaran penyakit sebagai sebab utama cicak digelar fasiq.<sup>636</sup> Oleh itu, para ulama mengharuskan membunuh cicak, baik di luar atau dalam wilayah tanah Haram.

Pengkaji berpandangan kefahaman sebenar dalam hal membunuh cicak ini boleh dirujuk pada kata-kata 'Aṭā': "*Apabila cicak menggangumu (membawa mudarat kepada*

<sup>633</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Anbiyā', Bāb Wattakhadha Allāh Ibrāhīm Khalīla, no. Hadith 3359, dan al-Nasā'ī, Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qat al-Wazgh, no. Hadith 2831 dengan matan yang lebih panjang [ ما عَدَا؟ فَعَالَتْ : مَا عَدَا؟ فَعَالَتْ [ هَذِهِ الْوَرَجُ، لِأَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ حَدَّثَنَا أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ شَيْءٌ إِلَّا يُطْفِئُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، إِلَّا هَذِهِ الدَّابَّةُ، فَأَمَرْنَا بِقَتْلِهَا أَنَّ إِبْرَاهِيمَ لَمَّا أَلْقَى فِي النَّارِ، لَمْ تَكُنْ فِي الْأَرْضِ دَابَّةٌ إِلَّا أَلْفَقَاتِ النَّارَ غَيْرَ الْوَرَجِ، فَوَالِهَا ]: "Sesungguhnya Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, sebaliknya ia membantu dengan meniup-niup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS, maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya." Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 461, dan Abū 'Abd Raḥman Aḥmad bin Shu'aib bin 'Alī al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1988), 439, dan Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1986), 545.

<sup>634</sup> 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-Itaybī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 8.

<sup>635</sup> Ṣafā al-Dawwī Aḥmad al-'Adawī, *Ihdā' al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, 4: 400.

<sup>636</sup> al-Qāḍī 'Iyāḍ, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim lil Qāḍi 'Iyāḍ al-Musammā Ikmal Mu'allim bi Fawā'id Muslim* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' li Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1998), 7: 174.

*seseorang), maka kamu boleh membunuhnya.*” Inilah pendirian yang paling rājīh iaitu cicak harus dibunuh hanya apabila ia mengganggu (memudaratkan manusia)<sup>637</sup> dan persepsi cicak dibunuh atas kesalahan lampau terhadap Nabi Ibrahim AS tidak benar sama sekali.

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan responden sangat tidak memahami cicak bukan dibunuh atas dasar kesalahan lampau dan kefahaman masyarakat perlu diperbaiki agar bertepatan dengan sunnah Nabi SAW.

#### **24. Semua jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh meskipun bagi orang yang sedang ihram**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden tidak bersetuju semua jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh meskipun bagi orang yang sedang ihram dengan peratusan sebanyak 26.5 %.

Perlu diketahui, perintah Nabi SAW supaya membunuh haiwan fasiq diucapkan selepas baginda melarang orang ihram dari membunuh haiwan. Jadi, kebenaran kepada orang ihram supaya membunuh haiwan fasiq telah memansuhkan larangan terdahulu.<sup>638</sup>

Al-Bazzār pernah menyatakan perintah membunuh haiwan fasiq ini datang selepas Rasullullah SAW menyedari bahaya haiwan tertentu kepada manusia terutamanya kepada orang sedang ihram yang mudah terancam disebabkan diharamkan membunuh haiwan selama tempoh ihram.<sup>639</sup>

---

<sup>637</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭāniyah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45, dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 211.

<sup>638</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4: 45.

<sup>639</sup> *Ibid.*, 4: 45.

Para ulama empat mazhab bersepakat mengenai keharusan umat Islam membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) ketika ihram bersandarkan hadith berikut,

عَنْ سَالِمٍ، عَنْ أَبِيهِ، سَأَلَ النَّبِيَّ عَمَّا يَقْتُلُ الْمُحْرِمُ مِنَ الدَّوَابِّ، فَقَالَ: "خَمْسٌ لَا جُنَاحَ فِي قَتْلِهِنَّ عَلَى مَنْ قَتَلَهُنَّ فِي الْحِلِّ وَالْحُرْمِ: الْعَقْرَبُ وَالْفَأْرَةُ وَالْحِدَاةُ وَالْعُرَابُ وَالْكَلْبُ الْعَمُورُ"

Terjemahan: Dari Sālim, dari ayahnya (Ibn ‘Umar RA), Nabi SAW telah ditanya apakah haiwan yang boleh dibunuh oleh orang yang sedang ihram, Maka Nabi SAW pun bersabda: “Lima jenis haiwan yang tiada ganjaran (denda) bagi sesiapa yang membunuhnya di tanah haram dan tanah halal: kala jengking, tikus, burung helang, gagak dan anjing liar.”<sup>640</sup>

Kesimpulannya, pengkaji menyatakan responden tidak memahami umat Islam boleh membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) ketika ihram. Kefahaman responden perlu diperbaiki bagi mengelakkan sebarang bentuk kekeliruan ketika umrah atau haji.

## **25. Haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh dengan apa cara sekalipun kerana ia haiwan yang dibenci Islam**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden tidak bersetuju haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh dengan apa cara sekalipun kerana ia haiwan yang dibenci Islam dengan peratusan sebanyak 27.5 %.

Meskipun haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh dibunuh, ia tidak boleh dibunuh sewenang-wenangnya apatah lagi menggunakan cara yang haram dan menyeksakan. Wahbah al-Zuhaylī pernah menyatakan tidak boleh membunuh haiwan secara suka-suka kecuali disebabkan permusuhan dan ancamannya pada manusia.<sup>641</sup>

<sup>640</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Manāsik, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram min al-Dawāb, no. Hadith 1846. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ash‘ath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī‘, 1988), 321.

<sup>641</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimasyq: Dār al-Fikr, 1985), 3: 692.

Justeru, pengkaji telah meringkaskan satu panduan untuk membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) seperti berikut:

- Umat Islam harus membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam kategori tersebut: [**Pertama**]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). [**Kedua**]: Haiwan yang memudaratkan nyawa dan kesihatan manusia. [**Ketiga**]: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan). [**Keempat**]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.
- Bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) kecil seperti tikus, cicak, kala jengking dan ular dan selainnya. Kaedah paling sesuai ialah memukul. Cara terbaik pukulan ialah dengan satu pukulan yang terus mematikan.
- Bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) jenis tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) seperti lipas, pijat, kutu, anai-anai, nyamuk dan lain-lain. Membunuh dengan penggunaan racun adalah dibolehkan sekadar yang perlu.
- Bagi haiwan fasiq (haiwan perosak) besar seperti anjing, burung gagak dan helang. Kaedah menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik boleh dilakukan jika berkesan menghindarkan gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur kezaliman terhadap haiwan.
- Dalam membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak), metode selain pukulan adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tapi atas dasar masalah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyiksaan dan penganiayaan haiwan serta efektif.



- Diharamkan menggunakan kaedah membakar, melemas, memberi makan makanan beracun untuk membunuh dan seumpama kerana cara tersebut merupakan satu bentuk kezaliman pada haiwan.

Berdasarkan panduan ditetapkan Islam dalam membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak), pengkaji dapat menyimpulkan responden faham terdapat batasan dan tetapan kaedah dalam membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) meskipun diharuskan Islam.

## **26. Anak-anak haiwan fasiq (haiwan perosak) perlu dihapuskan demi mengelakkan kejadian sama berulang**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju anak-anak haiwan fasiq (haiwan perosak) perlu dihapuskan demi mengelakkan kejadian sama berulang dengan peratusan sebanyak 29.8 %.

Dalam konteks interaksi manusia terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak), Islam mengajarkan supaya anak-anak haiwan fasiq (haiwan perosak) yang masih kecil tidak dibunuh. Imam al-Qurṭubī pernah menyebutkan haiwan digelar fasiq disebabkan sifatnya, dan yang fasiq adalah haiwan dewasa. Manakala haiwan masih kecil tidak bersifat dengan sifat fasiq.<sup>642</sup>

Para ulama bersepakat tidak boleh membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) yang masih kecil kecuali jika ia mula menyakitkan manusia atau khuatir haiwan tersebut sudah mampu mengancam sejak kecil.<sup>643</sup>

<sup>642</sup> Mohd Farhan Md Ariffin dan Khadher Ahmad, "Penjagaan Flora Dan Fauna Menurut Hadith: Hubungannya Dengan Kesejahteraan Manusia" dalam *Sunnah Nabawiyah: Survival dan Cabaran*, ed. Khadher Ahmad et al. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013), 327-347.

<sup>643</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 314.

Dalam membincangkan hukum membunuh haiwan fasiq yang masih kecil secara teliti, pengkaji telah merumuskannya data berikut;

- Tikus kecil tidak boleh dibunuh sehingga cukup besar untuk menghadirkan gangguan dan mudarat pada manusia.<sup>644</sup>
- Burung helang digelar fasiq disebabkan sifatnya yang mengganggu dengan menyambar haiwan ternakan yang menjadi sumber makanan manusia. Hal ini hanya terhad kepada helang pemakan daging dewasa sahaja. Burung helang kecil tidak boleh dibunuh sehingga cukup besar untuk membuat kerosakan dan kebinasaan.<sup>645</sup>
- Burung gagak kecil dan gagak pemakan biji-bijian tidak boleh dibunuh.<sup>646</sup>
- Anjing yang bersifat *'aqūr* (mengancam dengan taring dan gigi) khusus pada anjing dewasa. Anak-anaknya tidak bersifat dengan sifat sedemikian dan terkecuali dari kategori haiwan fasiq.<sup>647</sup>
- Hukum membunuh kala jengking adalah sepertimana ular.<sup>648</sup> Ia boleh dibunuh sama ada yang besar mahupun kecil oleh kerana sudah memiliki bisa sejak kecil dan mampu mengancam manusia.<sup>649</sup> Namun begitu, Imam Malik, Ḥammād dan al-Ḥakām tidak membenarkan membunuh ular kecil yang belum mampu menghadirkan bahaya kepada manusia.<sup>650</sup>

---

<sup>644</sup> Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 204.

<sup>645</sup> Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Saḥīḥ Muslim* 3: 313.

<sup>646</sup> Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al., 10: 201, dan Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-ʿAzīm Ābādī, *Aun al-Maʿbūd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 298.

<sup>647</sup> Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmiʿ li Ahkām al-Qurʿan* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182.

<sup>648</sup> ʿAlī bin Ādam bin Mūsā al-Itaybī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasāʾi al-Musammā Dakhīrah al-Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Miʿrāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 393.

<sup>649</sup> *Ibid.*, 24: 394.

<sup>650</sup> Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al., 10: 210.

- Cicak merupakan haiwan fasiq kecil dan dilihat seakan-akan belum dewasa bagi yang tidak mengenalinya kecuali cicak tokek yang bersaiz lebih besar dan mudah dikenal. Spesies cicak rumah dan tokek harus dibunuh kerana tergolong dalam kalangan cicak *al-Wazagh*. Anak-anak cicak tidak boleh dibunuh kerana belum mampu mengganggu manusia.

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyatakan responden tidak memahami anak-anak haiwan fasiq (haiwan perosak) tidak boleh dibunuh. Kefahaman responden adalah menyalahi sunnah Nabi SAW dan perlu diperbaiki.

### **27. Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) perlu dimusnahkan agar ia tidak boleh membiak dan mengganggu lagi**

Merujuk kenyataan berikut, peratusan besar responden bersetuju habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) perlu dimusnahkan agar ia tidak boleh membiak dan mengganggu dengan peratusan sebanyak 34.5 %.

Berdasarkan kefahaman pengkaji, perbincangan mengenai masalah ini terbahagi kepada dua bahagian. Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal jauh dari manusia seperti kala jengking, ular, helang dan seumpamanya tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana ia menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terbabit yang terkecuali dari hukum haiwan fasiq. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya telah diceroboh manusia.

Bagi spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang menjadi matlamat pengkaji dalam menilai kefahaman responden, iaitu haiwan yang tinggal di dalam atau kawasan

berhampiran rumah sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman kepada manusia seperti tikus, gagak, anjing dan cicak. Habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya perlu dibunuh atau dipindahkan dari kediaman manusia.

Ini berasaskan kaedah fiqh “*Dar’u al-Mafāsīd Muqaddam ‘Alā Jalb al-Maṣāliḥ*” (menolak keburukan lebih utama dari mendatangkan kebaikan). Oleh itu, menghapuskan ancaman haiwan fasiq (haiwan perosak) lebih utama dari menjaga nyawa anak-anak haiwan fasiq (haiwan perosak).

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan kefahaman responden bertepatan dengan fiqh interaksi terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak). Responden memahami habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) yang hidup berdekatan manusia perlu dimusnahkan agar ia tidak dapat membiak dan mengganggu manusia.

### 4.3 PENUTUP

Keseluruhannya, kefahaman responden berada pada tahap sederhana. Beberapa aspek misalnya takrifan haiwan fasiq (haiwan perosak), kaitan antara haiwan fasiq dan haiwan perosak serta kaedah dalam interaksi masih perlu diperbaiki.<sup>651</sup>

Umat Islam wajib mencontohi Rasūlullāh SAW dari segi percakapan, perbuatan, jalan pimpinan, etika dan tatacara hidup baginda. Inilah yang dimaksudkan sebagai *sunnah Rasūlullāh*. Ikutan dan teladan ini perlu difahami dengan baik kerana ia merupakan bukti kasih sayang hamba kepada *Khāliq*. Firman Allah SWT,

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Āli ‘Imrān 3: 31

Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. (Ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

---

<sup>651</sup> Bagi mengelakkan perbahasan menjadi terlalu panjang, pengkaji telah merumuskan keseluruhan dapatan analisis perbandingan bab keempat dalam jadual 5.7 pada bab kelima.